

# Ghana kenal pasti 2 kes pertama virus Marburg



Belum ada rawatan atau vaksin untuk virus Marburg yang dipercayai hampir sama bahaya dengan virus Ebola. (Foto hiasan)

**Accra:** Dua kes virus Marburg yang membawa maut sudah dikenal pasti di Ghana, kali pertama penyakit seperti virus Ebola itu ditemui di negara Afrika Barat.

Perkhidmatan Kesihatan Ghana (GHS) berkata, awal bulan itu, sampel darah yang diambil daripada dua orang di wilayah Ashanti selatan mencadangkan mengenai virus Marburg dan sampel dihantar ke Institut Pasteur di Senegal sudah diagnosis.

"Ini adalah kali pertama Ghana mengesahkan Penyakit Virus Marburg," kata ketua GHS, Patrick Kuma-Aboagye dalam kenyataan.

Belum ada rawatan atau vaksin untuk Marburg, yang dipercayai hampir sama bahaya dan membunuh dengan virus Ebola.

Gejalanya adalah demam

panas serta pendarahan dalam dan luaran.

GHS berkata, sejumlah 98 orang yang dikenal pasti sebagai kes kontak kini turut berada di bawah kuarantin serta menyatakan bahawa tiada kes Marburg lain dikesan di Ghana.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata, Guinea turut mengesahkan satu kes dalam wabak yang diisytiharkan berakhir pada September 2021 itu.

## Boleh merebak daripada haiwan

Menurut WHO, wabak dan kes sporadik Marburg di Afrika dilaporkan di Angola, Republik Demokratik Congo, Kenya, Afrika Selatan dan Uganda.

Ia boleh merebak daripada

haiwan yang dijangkiti, termasuk kelawar.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya mengelakkan ke gua yang didiami koloni kelawar dan memasak sepenuhnya produk daging sebelum dimakan," nasihat pihak berkuasa kesihatan Ghana.

Mereka yang dikenal pasti pernah berhubung dengan penghidap, termasuk kakitangan perubatan, mesti mengasingkan diri.

Penyakit virus itu dikatakan menyerang penghidap secara tiba-tiba dengan demam panas dan sakit kepala yang teruk.

Kata WHO lagi, kadar kematian dalam kes yang disahkan berkisar antara 24 peratus hingga 88 peratus dalam kes sebelumnya, bergantung kepada keseriusan virus dan pengurusan kes. AFP